

# UPM temukan gaharu nilai tinggi pupus 100 tahun

**KUALA LUMPUR 9 Mac** - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menemui semula pokok karas atau gaharu bernilai tinggi spesies *Aquilaria Rostrata* di kawasan Hutan Gunung Tebu, Besut, Terengganu yang dianggap telah pupus 100 tahun lalu.

Ketua penyelidik kumpulan terbabit, Pensyarah di Jabatan Pengurusan Hutan Fakulti Perhutanan UPM, Prof. Madya Dr. Rozi Mohamed berkata, spesies *Aquilaria Rostrata* yang turut dikenali sebagai karas gunung atau chandan gunung itu ditemui kira-kira 100 kilometer dari kawasan pertama kali dijumpai dahulu iaitu di Gunung Tahan, Pahang kira-kira 100 tahun lalu.

“Kita menemui populasi pokok itu semasa melakukan kajian di lapangan dengan bantuan anggota renjer dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada pertengahan tahun lalu.

“Pada awalnya kami menyangkakan ia spesies baharu tetapi setelah membuat perbandingan dengan spesimen berusia 100 tahun di Herbarium Botanic Gardens, Singapura, kami mendapati



**ROZI MOHAMED menunjukkan spesies pokok gaharu *Aquilaria Rostrata* yang dikeringkan ketika ditemui di Jabatan Pengurusan Hutan Fakulti Perhutanan UPM, Serdang, Selangor, semalam.**

ia adalah *Aquilaria Rostrata*,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Menurutnya, penemuan itu sekali gus menyenapkan dakwaan dan kebanggaan bahawa spesies berkenaan sehingga disenaraikan dalam

Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa (IUCN) kerana dianggap sudah pupus.

“Spesies itu ditemui berhampiran lokasi pokok balak yang sudah ditebang di kawasan yang berketinggian kira-kira 700 meter dari aras laut.

“Dianggarkan sebanyak 50 pokok telah ditemui dalam populasi tersebut, yang berketinggian antara dua hingga lima meter dan berukuran lilit antara tiga dan empat sentimeter. Lebih menarik ketika ditemui pokok itu sedang berbunga dan berbuah,” katanya.

Jelasnya, spesies pokok itu pertama kali ditemui pada 1911 di Kem Wray’s, Gunung Tahan oleh H.N. Ridley dan dilaporkan pada 1924, namun laporan berkenaan tidak menyatakan saiz pokok tersebut.

“Spesies ini adalah endemik, ia tidak terdapat di tempat lain, hanya di Semenanjung Malaysia sahaja dan terancam kepupusan,” katanya.

Sehubungan itu, Rozi menegaskan, kawasan berkenaan perlu dijaga dan dipelihara bagi membolehkan spesies itu dapat tumbuh dan membiak sebagai warisan alam sekali gus mengelakkan daripada diceroboh oleh pihak yang mahu mendapatkan gaharu.